

# Matsumoto, Jepun

Bandar Matsumoto yang berpusat di sekitar Istana Matsumoto, iaitu khazanah negara Jepun, telah berkembang pesat melebihi 400 tahun. Matsumoto terletak di wilayah Nagano, iaitu bahagian tengah Jepun, mewarisi sejarah dan budaya alam sekeliling yang serba indah itu. Ke arah barat bandar tersebut, terdapat Alps Jepun yang melebihi ketinggian 3000 meter dengan permandangan yang menakjubkan manakala ke arah timur pula terdapat Dataran Tinggi Utsukushigahara, yang setinggi 2000 meter. Dari sana, anda dapat menikmati permandangan panoramik secara 360 darjah termasuklah Gunung Fuji yang terletak jauh dari situ.

Setiap musim menawarkan tarikan yang berbeza di Bandar Matsumoto sepanjang tahun. Bunga sakura pada musim bunga, penjelajahan sepanjang dinding salji pada bulan Mei dan Gunung Norikura pada bulan Jun, pendakian di Kamikochi dan Alps Jepun, guguran dedaun pada musim luruh, dan juga resort salji pada musim sejuk. Jalan-jalan yang berunsur nostalgia, resort kolam air panas dan sebagainya juga memberi peluang kepada para pelancong untuk menikmati kebudayaan Jepun.

Bandar Matsumoto yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, keangguhan sejarah dan kebudayaan yang istimewa, dapat memberi inspirasi kepada para pelancong untuk mengunjungi Jepun.



## Istana Matsumoto

Istana Matsumoto, iaitu istana tertua di Jepun dan masih mempunyai donjon kayu asalnya, adalah antara empat istana yang ditetapkan sebagai khazanah negara Jepun. Donjon tersebut dikatakan telah dibina dari tahun 1593 sehingga 1594.


Pada musim bunga, bunga-bunga sakura akan menceriakan istana tertua yang berbunga hitam itu, lebih-lebih lagi permandangan itu dilengkapi dengan Alps Jepun yang diliputi salji sebagai latar belakangnya.

Dalam istana tersebut terdapatnya pameran bahan-bahan bersejarah dan artifak-artifak termasuk armor samurai dan koleksi senapang. Anda boleh mengalami suasana Zaman Perang Jepun pada zaman lampau.


Anda dapat menikmati keindahan permandangan Alps Jepun dan Bandar Matsumoto dari puncak menara istana itu.



# Alam semula jadi



Puncak-puncak Utara Alps Jepun yang melebihi 3000meter di Taman Negara Chubu-Sangaku, termasuklah Gunung Yarigatake dan Gunung Norikuradake, adalah khazanah yang dikelilingi oleh alam semula jadi. Di Kamikochi dan Dataran Tinggi Norikura, anda akan mengagumi permandangan yang indah itu pada setiap musim. Di Dataran Tinggi Utsukushigahara pula, anda dapat menikmati permandangan indah secara panaromik, lebih-lebih lagi Gunung Fuji juga boleh dilihat sekiranya langit adalah cerah. Utsukushigahara adalah antara dataran tinggi yang terbesar di Jepun, di mana tumbuh-tumbuhan alpine berkelompok. Oleh kerana aktiviti mendaki dan berbasikal dalam pelukan alam semula jadi yang indah itu adalah pengalaman yang luar biasa, para pelancong kerap terpersona oleh tempat ini.



Gn. Norikuradake dan Kolam Ushidome

## Dataran Tinggi Norikura

Dataran Tinggi Norikura ialah dataran tinggi yang besar yang berlanjut ke timur Gn. Norikuradake (3,026 m). Anda juga dapat menikmati permandangan indah latar langit Jepun yang tertinggi – 2700m dengan naiki bas shuttle. Ia menawarkan akitiviti yang berbeza mengikut musim sepanjang tahun. Perjalanan di Dinding Salji pada musim bunga, padang flora alpine kecil yang luas, trekking dan perkhemahan pada musim panas, guguran dedaun pada musim luruh, musim sejuk yang penuh dengan keceriaan, bukan sahaja ski tetapi juga pendakian salji, pengalaman naik eretan dan aktiviti-aktiviti yang sebagainya dapat menyeronokkan anda. Salji akan tinggal walaupun pada bulan Ogos. Oleh itu, anda dapat menaiki eretan atau membuat orang salji pada bulan Mei hingga Ogos. Terdapat juga beberapa kolam air panas yang terkenal dengan keputihan airnya di Dataran Tinggi Norikura.

## Kamikochi

Kamikochi ialah contoh yang sempurna bagi memaparkan keindahan gunung-ganang Jepun. Oleh kerana kenderaan persendirian adalah dilarang memasuki kawasan tersebut, pelepasan gas kenderaan menjadi kurang, gunung-ganang melebihi aras 3000m juga dapat dilihat secara dekat ketika mendaki mengikut jalan persiaran. Permandangan Banjaran Hotaka dan Gunung Yakedake, iaitu gunung berapi hidup, dari Jambatan Kappa bersama dengan permandangan di Taisho dan Kolam Myojin sungguh indah sekali.



Kolam Taisho



Kolam Myojin

Jambatan Kappa dan Banjaran Gunung Hotaka



## Bunga sakura dan guguran dedaun

Bunga sakura berkembang pada tengah bulan April di Matsumoto. Istana Matsumoto, tempat terbaik untuk menikmati kecantikan bunga sakura, terdapat lebih daripada 300 pokok sakura di sekellingnya. Anda dapat mengambil foto sakura yang berwarna merah jambu bersama dengan istana hitam dan Alps Jepun yang bersalji putih. Bunga sakura mula mekar pada akhir bulan Mac di selatan Matsumoto dan juga awal bulan Mei di bahagian gunung dan utara Matsumoto. Oleh itu, anda dapat menikmati bunga sakura sepanjang bulan April. Di Taman Alps yang berdekatan dengan stesen, terdapat 500 pepohon sakura bermekar pada akhir bulan April. Selain itu, bunga-bunga lain yang cantik juga dapat dilihat di banyak tempat seperti "Taman Terbuka" di bandar.



## Karasawa pada musim luruh dan Pergunungan Hotaka

Kepelbagaiannya pokok-pokok mencipta palet warna musim gugur yang cantik. Berkunjung ke Matsumoto pada masa ini, anda pasti akan diganjari dengan banyak kenangan yang indah. Anda dapat melihat guguran dedaun yang cantik di kawasan-kawasan gunung dan juga pusat bandar, seperti di Istana Matsumoto.

Dikelilingi oleh gunung-ganang yang indah, Matsumoto ialah tanah suci kepada pendaki gunung. Gn. Yari, antara ikon daripada Alps Jepun, dan Gn. Oku-Hotakadake, iaitu gunung yang ketiga tertinggi di Jepun, boleh didaki dari Kamikochi.



Istana Matsumoto

# Sejarah

Matsumoto mempunyai banyak tempat bersejarah yang terkenal, seperti Istana Matsumoto yang dibina melebihi 400 tahun yang lalu, adalah antara istana yang tertua di Jepun yang masih mempunyai donjon kayu asalnya.

Matsumoto juga dikenali sebagai 'Bandar Muzik' sedangkan konduktor yang terkenal di taraf dunia, Seiji Ozawa akan mengarah dalam 'Festival Matsumoto, Seiji Ozawa' yang diadakan pada musim panas setiap tahun. Matsumoto dikenali juga dengan tempat kelahiran Suzuki Mesod daripada pendidikan violin taraf dunia. Dengan mengunjungi tempat-tempat ini dan sebagainya, anda dapat mengalami sejarah dan budaya Matsumoto. Di jalan-jalan yang bersejarah juga, pelbagai jenis festival akan diadakan sepanjang tahun.

## Kemudahan Kebudayaan

### Muzium Seni Bandar Matsumoto

Muzium perbandaran yang mempunyai pameran luar bangunan yang besar mengalum alukan kedatangan para pengunjung di pintu masuknya. Pameran itu terdiri daripada karya Yayoi Kusama, seorang artis dari Matsumoto.



Muzium Jam Tangan



Muzium Cetakan Woodblock Ukyo-e Jepun






## Bandar Istana Mastumoto

Matsumoto, sebagai bandar istana yang berkembang pesat sekelilingi istana selama beberapa abad. Terdapat banyak bangunan lama dan deretan rumah yang menunjukkan rupa Jepun pada zaman dahulu kepada kita. Anda dapat menikmati persiaran di Jalan Nawate dan Jalan Nakamachi, iaitu tempat letaknya banyak bangunan dengan dinding yang berwarna hitam dan putih secara bersetelahan, juga dikenali sebagai kura (gudang berdingin gili).

Kurassic-Kan (Pusat Komuniti)



Jalan Nakamachi

Jalan Nawate



Perigi Gengchi

## Lawatan ke Kolam Air Panas Tempatan

Gunung-ganang yang mengelilingi Matsumoto memberi sumber air yang sangat baik daripada banyak mata air semulajadi di sekitar bandar. Berjalan-jalan di sekeliling pelbagai mata air merupakan satu cara yang baik untuk membiasakan diri dengan bandar ini.



Salah satu bas yang direka oleh Yayoi Kusama

## Bas Persiaran (Sneaker Bandar)

Anda dapat menaiki bas yang dikenali TOWN SNEAKER dengan hanya ¥200. Bus-bus ini beroperasi setiap 30 minit ke 4 laluan termasuk utara, selatan, timur dan barat Matsumoto, bermula dari Stesen Matsumoto.



## Basikal sewa (Pekan Suisui, Rikisha)

Di Istana Matsumoto, Nakamachi, hotel-hotel utama, kedai-kedai di jalan hadapan Istana Matsumoto dan sekitar kawasan bandar, basikal boleh dipinjam tanpa memerlukan bayaran.

# Makanan Tempatan

Iklim Matsumoto, termasuklah udara yang nyaman dan air yang jernih, membekalkan ramuan-ramuan dan makanan yang sedap lagi unik kepada kawasan itu.

*Restoran halal telah dibuka di Matsumoto pada tahun 2016.*

### ⌚ Soba Buatan Tangan (Mi Soba)

Setiap orang Jepun akan teringat akan mi soba yang lazat apabila berfikir tentang kawasan Nagano. Soba dihasilkan dengan menggunakan air sejuk dan tulen. Terdapat masakan khas yang dikenali sebagai TOJI SOBA, iaitu masakan yang hanya boleh didapati di Matsumoto. Ia adalah seperti mi shabu-shabu dalam sup cendawan yang anda pasti cuba.



### ⌚ Epal / Anggur

Perbezaan suhu antara siang dan malam ditemani pancaran matahari yang secukupnya membolehkan Matsumoto menghasilkan epal dan anggur yang serba manis dan berjus. Aktiviti memetik epal akan dilakukan dari akhir bulan Oktober hingga tengah bulan November.

### ⌚ Tembakai



### ⌚ Konfeksi Jepun

Gula-gula tradisional Jepun yang berdasarkan bunga-bunga musim dan permandangan sebagai motif, diperbuat untuk menunjukkan pentingnya kesedaran musim. Rasa gula-gula tidak dapat dipertikaikan, proses pembuatannya juga seronok untuk dilihat. Gula-gula merupakan buah tangan yang paling sesuai bagi melambangkan keindahan musim-musim dan suasana Jepun. Oleh sebab Matsumoto ialah bandar istana yangkuno, upacara minum teh telah berkembang maju dan juga terdapatnya banyak kedai konfeksi Jepun yang lazat.



Produk pertanian utama di kawasan Hata. Tanah gunung berapi, perbezaan suhu antara siang dan malam yang besar, bergabung dengan



pancaran matahari yang panjang waktunya terbentuklah buah tembakai yang lazat,

berkualiti tinggi,

kandungan gula yang

tinggi dan juga tekstur

yang rangup dalam mulut.

mulut.


mulut.

### ⌚ Oyaki

Oyaki adalah roti tradisional tempatan yang mengandungi hasil asli seperti Nozawana (daun lobak putih)



# Peta Pelancongan Matsumoto



**Kraf Tangan**  
Bandar istana Matsumoto penuh dengan kepelbagaiannya kraf tangan. Teknik tukang yang mahir merupakan teknik yang telah diwarisi turun-temurun.



**Oshiebina (anak patung dibangkitkan-kain)**

Oshiebina ialah patung menggambarkan mitos tradisional Jepun atau watak kabuki (persesembahan tradisional Jepun). Patung-patung ini mempunyai keistimewaan Matsumoto kerana disebut dalam buku pada tahun 1843.

## Temari Matsumoto (Bola Benang Jepun)

Ada yang mengatakan bahawa isteri-isteri dan anak-anak keluarga Samurai mula membuat bola-bola ini pada pertengahan Zaman Edo. Bola-bola kain buatan tangan yang anggun dan teliti ini dibentuk dengan sulaman benang yang berwarna terang seperti merah, kuning, hijau dan biru.





## Kolam Air Panas dan Resort

Di Matsumoto terdapat 16 buah kolam air panas yang menawarkan pelbagai faedah untuk kesihatan. Penginapan di kolam air panas berorientasikan gaya Jepun, membolehkan anda merasai koleksi makanan penuh rasa Jepun dan kolam air panas dalam bangunan tradisional juga akan menyegarkan minda, badan dan jiwa anda.



Spa Shirahone




Mandi kaki dalam Spa Sawando



Spa Utsukushigahara



Spa Asama




Kawasan Pusat Bandar

## Akses



## Tempat Pelancongan Berhampiran



Pas Melancong yang baru dan mudah bagi pelancongan di antara kawasan Matsumoto, Kamikochi, Norikura

Pas ini membenarkan anda menaiki bas pada bila-bila masa dan melancong ke antara mana-mana kawasan tersebut selama 4 hari. Pergilah mendaki di Kamikochi atau trekking di atas Gn. Norikura selepas mengunjungi ke Istana Matsumoto, khazanah negara Jepun. Mandi dalam air susu di Kolam Air Panas Shirahone, dan seterusnya menikmati bandar lama Takayama dan pasar pagi. Akhir sekali, berunjunglah ke Shirakawago, iaitu tempat yang dianugerahkan sebagai Warisan Dunia oleh UNESCO.



## Akses dari Lapangan Terbang

### Tokyo (Lapangan Terbang Narita)

Keisei Ueno -> Nagano  
Lebih kurang 3 jam 45min

### Nagoya (Lapangan Terbang Chubu)

Meitetsu Nagoya  
Lebih kurang 2 jam 50min.

### Osaka (Lapangan Terbang Kansai)

Haruka (Ekspres terhad JR) Osaka -> Nagoya  
Lebih kurang 4jam 15min.

**Stesen JR Matsumoto**

**Stesen JR Matsumoto**

**Stesen JR Matsumoto**

**Stesen JR Matsumoto**

### JR (Japan Railways)

Shinjuku (Terdapat juga tren terus dari Tokyo dan Chiba) -> Lebih kurang 2jam 30min (setiap jam)  
Chuo Line/Ekspres Terhad

### Tokyo (melalui Nagano)

Lebih kurang 1jam 30min Nagano -> Lebih kurang 50min.

### Nagoya

Shinano (Ekspres Terhad JR) -> Lebih kurang 2jam

### Osaka

Lebih kurang 1jam Tokaido Shinkansen (Kereta api peluru JR) Nagoya -> Lebih kurang 2jam

### **Stesen JR Matsumoto**

### **Stesen JR Matsumoto**

### **Stesen JR Matsumoto**

### **Stesen JR Matsumoto**

## Empat Musim di Matsumoto

|                                    | Jan           | Feb  | Mac  | Apr           | Mei  | Jun         | Jul               | Ogos                | Sep                 | Okt            | Nov            | Dis           |
|------------------------------------|---------------|------|------|---------------|--|-------------|-------------------|---------------------|---------------------|----------------|----------------|---------------|
| Purata Suhu (Darjah Celsius)       | Tertinggi 4.9 | 5.6  | 10.0 | 17.5          | 22.6                                       | 25.5        | 29.0              | 30.5                | 25.0                | 19.0           | 13.3           | 7.9           |
|                                    | Terendah -5.5 | -5.3 | -2.0 | 3.9           | 9.4  | 14.8        | 18.9              | 19.8                | 15.3                | 7.9            | 1.7            | -3.1          |
| Hujan ml                           | 31.1          | 42.5 | 73.5 | 86.8          | 92.5                                       | 135.9       | 132.6             | 95.8                | 162.3               | 89.4           | 52.9           | 23.3          |
| Agenda di Matsumoto dan sekitarnya |               |      |      |               | Bunga Sakura Bermekar<br>Buah Pic Bermekar |             | Musim Hujan       | Petikan Buah Anggur |                     |                |                |               |
| Kamikochi                          | 4/27-11/15    |      |      | Jalan Ditutup |  |             | Hijau Segar       |                     |                     | Guguran Dedaun | Jalan Ditutup  |               |
| Gn. Norikura                       | 7/1-10/31     |      |      | Jalan Ditutup |  |             | Bas Koridor Salji |                     | Bas Shuttle Sunrise |                | Guguran Dedaun | Jalan Ditutup |
| Dataran Tinggi Norikura dan Nagawa |               |      |      | Musim ski     |  |             | Azalea            |                     |                     |                |                | Ski           |
| Dataran Tinggi Utsukushigahara     | 4/15-11/25    |      |      | Jalan Ditutup |  |             | Hijau Segar       | Azalea              |                     | Guguran Dedaun |                | Jalan Ditutup |
| Istana Matsumoto                   |               |      |      |               | Bunga Sakura Bermekar                      | Hijau Segar |                   |                     |                     |                | Guguran Dedaun |               |

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Persatuan Pelancongan dan Konvensyen Matsumoto 3-8-13 Ote, Bandar Matsumoto, Nagano, Jepun 390-0874

TEL. +81-263(34)3295 URL: <http://welcome.city.matsumoto.nagano.jp/> Email: yokoso@matsumoto-tca.or.jp